

**BN Selangor Dedah Surat Arahan KPS Kepada Abbas Kurangkan Bekalan Air Terawat Bernama
15 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 15 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor pada Rabu mendedahkan surat arahan yang dikeluarkan oleh pengurusan atasan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS) kepada Konsortium Abbas Sdn Bhd (ABBAS) untuk mengurangkan pengeluaran air terawat di negeri itu.

Koordinator BN Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed mendakwa arahan itu ditandatangani melalui satu memo bertarikh 29 Dis 2011 oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif KPS Suhaimi Kamaralzaman agar ABBAS mengurangkan pengeluaran air terawat daripada kira-kira 142 juta gelen sehari kepada hanya 120 juta gelen sehari.

Katanya, salinan surat itu turut dihantar kepada Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Datuk Teo Yen Hua dan Ketua Pegawai Eksekutif Syabas, Datuk Ruslan Hassan.

"Arahan ini yang dikatakan dicapai setelah perbincangan dengan pihak Lembaga Pengarah KPS menyebabkan berlakunya krisis air di kawasan Kajang dan Balakong memandangkan ABBAS mengendalikankan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.

"Kerajaan negeri bersikap retorik apabila sering kali mengatakan bahawa semua agenda mereka adalah demi kepentingan rakyat, namun arahan pengurangan kapasiti air terawat ini jelas membuktikan bahawa mereka sebenarnya lebih mementingkan diri sendiri berbanding rakyat," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini, pada Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688356>